

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN
ISMAIL
[PAYA BESAR - BN]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN (NO. 34)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program dan prasarana yang lebih baik kepada atlet negara sukan olimpik dan sukan paralimpik dalam merealisasikan Malaysia sebagai kuasa negara yang kuat dalam bidang sukan global.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian melalui Institut Sukan Negara (ISN) sedang mengendalikan program Podium yang merupakan transformasi proses penyediaan atlet yang lebih terperinci, menyeluruh dan saintifik untuk menangani '*process losses*' iaitu kegagalan pelaksanaan dan untuk meningkatkan '*marginal gains*' yang amat penting di peringkat sukan berprestasi tinggi bertaraf dunia.
2. Program Podium merupakan salah satu inisiatif Pelan Prestasi Tinggi Kementerian dalam merealisasikan pingat emas pertama di Sukan Olimpik Tokyo 2020 selain muncul 10 pasukan terbaik pada Sukan Asia 2018 dan Sukan Komanwel 2018.
3. Program Podium ini memberi penekanan kepada pengurusan latihan yang lebih profesional, khidmat sokongan yang lebih komprehensif, penjagaan hal ehwal dan kebajikan atlet yang lebih rapi, berdasarkan penanda aras bertaraf dunia serta meningkatkan taraf perkhidmatan sains dan perubatan sukan.
4. Selain itu, pelbagai inovasi dan trend terbaru akan diterapkan secara berterusan bagi memastikan potensi atlet-atlet negara dimaksimakan sepenuhnya dengan menyediakan peralatan dan kepakaran termasuk melatih atlet melalui perkongsian pengetahuan.

SULIT

5. Di samping itu, Program Podium juga memfokuskan kepada pemilihan pertandingan yang bertaraf antarabangsa, sistem pengurusan data atlet yang bersistematik serta menyediakan satu pelan perancangan jangka panjang untuk pembangunan atlet Podium.
6. Secara spesifik, ISN memberi penekanan dalam 5 aspek utama iaitu taktikal, teknikal, kecergasan, kekuatan mental dan disokong oleh persekitaran dan budaya kondusif yang membolehkan atlet mencapai prestasi cemerlang di peringkat antarabangsa.
7. Kementerian turut memberi penekanan kepada usaha memperkasakan pemegang taruh sukan yang lain termasuk persatuan-persatuan sukan yang merupakan rakan kongsi utama dalam usaha memperluaskan tapak asas dalam aspek pembangunan sukan berprestasi tinggi bagi menghasilkan lebih ramai atlet elit bertaraf dunia.
8. Program latihan jangka panjang yang berterusan dan kemudahan latihan yang mencukupi merupakan elemen utama dalam mempersiapkan atlet negara termasuk atlet paralimpik untuk mencapai kejayaan di peringkat antarabangsa.
9. Bagi merealisasikan pencapaian atlet terus cemerlang, KBS sentiasa memastikan kemudahan latihan dan pertandingan yang terbaik supaya atlet-atlet negara dapat menyesuaikan diri sebelum bertanding. Diantara kemudahan yang disediakan seperti Akademi Bola Sepak Mokhtar Dahari di Gambang, Akademi Badminton

SULIT

Negara di Kompleks Sukan Bukit Kiara dan Pusat Latihan Menembak di Bukit Jalil malah satu lagi kemudahan yang bakal di jadikan pusat latihan berbasikal adalah di Velodrome, Nilai.

10. KBS juga telah menyediakan kemudahan yang khusus bagi atlet-atlet paralimpik bagi menerapkan mod latihan yang sama seperti dilaksanakan oleh atlet-atlet normal di Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik, Kampung Pandan yang telah menyediakan fasiliti yang mesra OKU dilengkapi dengan gelanggang Goal Ball, Kolam Renang, Dewan Bola Keranjang, Dewan Badminton, kemudahan asrama untuk atlet, bilik seminar, bilik kuliah dan lapangan sasaran memanah.
11. KBS juga telah menyediakan venue-venue pertandingan bertaraf dunia ia terbukti dengan penganjuran acara Sukan Komanwel, Sukan Sea, Sukan Paralimpik Asia, iaitu di sekitar KL Sports City (Bukit Jalil) merangkumi Pusat Skuasy Nasional, Pusat Akuatik Nasional, Stadium Hoki Nasional dan Stadium Nasional, Kompleks Tennis di Jalan Duta serta Stadium Juara dan Pusat Boling Padang di Kompleks Sukan Bukit Kiara. Kerajaan juga sentiasa memastikan kemudahan dan fasiliti ini sentiasa berada dalam keadaan baik dan sedia digunakan.

Sekian, terima kasih.